

Usahawan PKS perlu rebut peluang

USAHAWAN perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu menguasai dan merebut peluang untuk memasarkan barangan mereka di internet kerana ia memberikan kesan besar dan bermanfaat kepada perniagaan mereka.

Ketua Pemasaran Google, Matthew Zaheen berkata, Malaysia berada di landasan yang betul dalam arena teknologi maklumat, jadi, usahawan PKS perlu merebut peluang itu untuk mengembangkan perniagaan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Mereka perlu ada sedikit pengetahuan mengenai perniagaan di internet dan cara memasarkan produk mereka," katanya pada sidang media mengenai Digital SME Day di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, Digital SME Day akan diadakan di Pusat Konvensyen Sunway bermula jam 9 pagi pada 10 September ini dengan kerjasama Google, Panpages dan Alibaba.com.

"Usahawan PKS perlu menyertai program ini kerana para penceramah akan berkongsi mengenai kepentingan internet dalam perniagaan dan kejayaan usahawan melalui per-



Wai Leong (kanan) dan Zaheen pada sidang media mengenai Digital SME Day di Kuala Lumpur, semalam.

niagaan di internet," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PanPages Berhad (PanPages), Fong Wai Leong berkata, hanya 15 peratus daripada 600,000 usahawan SME menggunakan platform internet untuk memasarkan produk mereka.

"Usahawan SME perlu guna peluang pasarkan produk mereka di internet. Ia menggunakan kos yang rendah dan pelanggan akan mendapat maklumat mengenai produk dengan cepat," katanya.

Mengulas mengenai Digital SME Day, Wai Leong berkata, PanPages dengan ker-

jasama Google dan Alibaba.com menganjurkan program itu bertujuan mendidik dan memberi maklumat kepada usahawan SME tentang perniagaan di alam maya.

"Digital SME Day diadakan buat pertama kalinya dan menyasarkan 1,000 peserta. Program itu akan disertai sembilan penceramah yang akan beri pelbagai panduan mengenai operasi perniagaan dalam alam maya," jelasnya.

Katanya, setakat ini maklum balas diterima memberangsangkan dan sesiapa berminat boleh hubungi pihak PanPages.